

# Kelestarian Prinsip-prinsip Muamalat dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah

(The Sustainability of the Muamalat principles in the Islamic Banking System of Malaysia: the Shariah Governance Framework)

MOHD IZZAT AMSYAR MOHD ARIF  
RUZIAN MARKOM

## ABSTRAK

*Industri perbankan Islam sedang pesat berkembang dalam atmosfera persekitaran yang kian kompleks dan mencabar. Ciri utama sistem perbankan Islam terletak pada rangka kerja tadbir urus syariah bagi operasi dan perkhidmatan perniagaan perbankan Islam. Walau bagaimanapun, sistem tadbir urus syariah bukan suatu perkara yang baharu. Ia telah dibuktikan menyamai amalan hisbah dalam pentadbiran Islam silam. Dalam sistem perbankan Islam, pematuhan yang tegas terhadap prinsip-prinsip muamalat dalam syariah amat dititikberatkan. Oleh itu, rangka kerja tadbir urus syariah yang kukuh serta mampan diperlukan bagi merealisasikan sistem perbankan Islam yang mantap dan stabil. Pelaksanaan tadbir urus syariah yang juga bertindak sebagai suatu teras dan sempadan yang membezakan antara perbankan Islam dengan konvensional. Oleh hal yang demikian, artikel ini menganalisis rangka kerja tadbir urus syariah dalam perbankan Islam di Malaysia yang merangkumi Majlis Penasihat Syariah sebagai autoriti syariah tertinggi jawatankuasa syariah, pengawasan syariah dan audit syariah di institusi-institusi perbankan Islam.*

*Kata kunci: Sistem perbankan Islam; pengawasan dan pematuhan syariah; Majlis Penasihat Syariah; resolusi syariah; jawatankuasa syariah*

## ABSTRACT

*The Islamic banking industry is rapidly growing in the complex and challenging atmosphere. The main feature of Islamic banking system is the shariah governance framework for the Islamic banking business operations and services. However, shariah governance is not something new. It is proven that it is similar to the hisbah practice in the past Islamic administration. In Islamic banking system, a strict muamalat and shariah compliance is highly emphasized. Therefore, a sound shariah governance framework is required to ensure the stability and the effectiveness of the Islamic banking system. The implementation of shariah governance serves as a fundamental that distinguishes between the Islamic banking and the conventional banking system. Therefore, this article will analyze the shariah governance framework in the Islamic banking system in Malaysia which encompasses the Shariah Advisory Council as the highest shariah authority, shariah committee, shariah supervision, and shariah audit in the Islamic banking institutions.*

*Keywords: Islamic banking system; shariah compliance; Shariah Advisory Council; shariah resolution; shariah committee*

## PENDAHULUAN

Sejarah tadbir urus syariah telah bermula melalui sistem hisbah. Dari segi istilah, Imam al Ghazali dan Ibrahim Dasuqi menjelaskan bahawa hisbah ialah ungkapan lengkap yang merangkumi tugas untuk mendorong seseorang kepada perbuatan yang baik dan mencegah perbuatan yang mungkar.<sup>1</sup> Ibn Khaldun menyokong definisi yang dikemukakan ini dengan menambah bahawa institusi hisbah merupakan kewajipan ke atas mereka yang mentadbir urusan umat Muslimin.<sup>2</sup> Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menubuhkan institusi hisbah dalam sempadan bidang kuasa masing-masing serta melantik orang-orang yang berkelayakan untuk ditakliffkan tugas dengan baik. Hisbah berperanan sebagai sistem pengawasan atas landasan *amar makruf nahi mungkar*,<sup>3</sup> terhadap sesebuah negara, masyarakat, institusi, organisasi dan individu supaya perbuatan yang bercanggah dengan syarak dapat dicegah dan dihindari.<sup>4</sup> Firman Allah SWT yang bermaksud,

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).<sup>5</sup>

Hisbah merupakan salah satu mekanisme utama yang memperlengkap suatu aktiviti pengurusan secara Islam.<sup>6</sup> Oleh itu, sekiranya konsep hisbah dilaksanakan secara efisien, ia mampu untuk menjamin ketelusan dan kemampuan suatu pengurusan dalam mencapai matlamatnya, iaitu mematuhi segala prinsip-prinsip yang ditetapkan dan menghindari perkara-perkara yang dilarang oleh syarak. Fungsi institusi

hisbah adalah terhadap kepada pengawasan terhadap bidang agama sahaja, bahkan hisbah juga berupaya untuk dilaksanakan dalam segala aspek termasuk, perbankan, pentadbiran, ekonomi, dan lain-lain.

Pelaksanaan hisbah bermula dalam bentuk amalan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.<sup>7</sup> Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud,

Bahawa Rasulullah SAW pada suatu ketika telah berjalan melalui satu longgokan makanan di pasar, lalu baginda Rasulullah SAW telah memasukkan tangannya ke dalam longgokan tersebut, jari Baginda SAW tersentuh sesuatu yang basah lantas Rasulullah SAW bertanya kepada penjual itu: “Apakah semua ini?” Jawab penjual tersebut: Makanan ini terkena hujan. Nabi Muhammad SAW bersabda: “Kenapa engkau tidak meletakkannya di atas supaya dapat dilihat oleh orang ramai, baginda SAW menyambung lagi: Sesiapa yang menipu maka dia bukan dari kalangan kami. (Riwayat at Tirmizi)<sup>8</sup>

Hadith ini membuktikan bahawa amalan hisbah telah dilaksanakan seawal zaman kerasulan. Indikasi daripada hadith di atas, didapati bahawa amalan hisbah meliputi;

1. Pengawasan terhadap aktiviti muamalat oleh pihak yang berautoriti;
2. Larangan dan tegahan amalan muamalat yang tidak seiring dengan syarak; dan
3. Satu hukum baharu yang dikeluarkan untuk diaplikasikan dalam kes semasa.

Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, legasi hisbah tetap dilaksanakan oleh Khulafa al Rasyidin selepasnya.<sup>9</sup> Namun, melalui pemerhatian, amalan hisbah pada era awal Islam dilakukan sendiri oleh para khalifah berserta beberapa orang pembantu yang dilantik bagi melicinkan urusan

pengawasan. Sebagai contoh, Khalifah Umar al Khattab telah melantik al Sa'ib ibn Yazid bersama-sama Abdullah ibn Utbah sebagai penguasa pasar Madinah dan beliau juga telah melantik wanita sebagai pembantunya di mana Sayyidah al Syifa dan Sayyidah Samra' binti Nuhaik telah ditugaskan mengawasi pasar Madinah.<sup>10</sup>

Konsep hisbah berkembang seiring dengan perkembangan, pembesaran dan perluasan pemerintahan Islam menjadi sebuah badan, jabatan dan akhirnya diinstitusikan ke dalam sistem pentadbiran Islam. Hal ini menggambarkan inspirasi pelaksanaan hisbah dilakukan secara sistematik dalam pengurusan dan pentadbiran Islam. Pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyyah tahun 157 Hijrah, khalifah Abu Ja'far al Mansur telah mewakili autoriti yang ada padanya kepada para penguasa hisbah (*muhtasib*) untuk mentadbir institusi hisbah secara penuh tanpa campur tangan kerajaan dengan dibantu oleh pembantu-pembantu yang dilantik oleh penguasa hisbah.<sup>11</sup>

Secara kesimpulan, melalui analisis terhadap struktur tadbir urus syariah serta objektifnya, iaitu bagi memastikan segala operasi perbankan Islam mematuhi hukum syarak, didapati bahawa konsep tadbir urus syariah ini telah lama wujud dalam pentadbiran Islam, melalui pelaksanaan hisbah. Hal ini kerana hisbah berfungsi sebagai mekanisme tadbir urus yang memperengkap fungsi pengawasan bagi keselarian aktiviti dengan syariah.

Komponen konsep hisbah adalah menepati konsep tadbir urus syariah dalam perbankan Islam, iaitu:

1. Pengawasan yang dijalankan oleh pihak yang berautoriti bagi memastikan aktiviti yang

dijalankan adalah selari dan menepati syariah.

2. Setiap aktiviti yang bercanggah dengan prinsip syarak akan ditegah dan diberi amaran tegas.
3. Sekiranya isu syariah pada sesuatu aktiviti itu tidak jelas, maka suatu hukum baharu boleh diputuskan untuk diaplikasikan.

### STRUKTUR TADBIR URUS SYARIAH PERBANKAN ISLAM

Dalam sistem tadbir urus syariah, badan syariah memainkan peranan yang paling penting sebagai sebuah organisasi yang berautoriti bagi mengawasi dan menyelia untuk memastikan pematuhan syariah dalam setiap operasi dan aktiviti industri ini.<sup>12</sup> Badan-badan syariah ialah entiti perundangan yang dianggotai oleh para sarjana yang berkelayakan dalam bidang syariah dan undang-undang, serta bebas dan dipercayai untuk menggalas tanggungjawab untuk melaksanakan tugas secara profesional untuk mengawal selia<sup>13</sup> segala aktiviti di institusi-institusi perbankan Islam untuk tujuan pematuhan syariah termasuk menerbitkan peraturan perundangan yang berkait dengan bidang perbankan Islam.<sup>14</sup>

Secara dasarnya, badan syariah terdiri daripada dua komponen utama berdasarkan skop tugas yang tertentu, iaitu jawatankuasa kajian dan fatwa; dan jawatankuasa pelaksana dan pengawasan.<sup>15</sup> Yūsuf al Qaradāwī menegaskan bahawa kedua-dua komponen ini mestilah wujud secara bersama dan ia saling melengkapi. Jawatankuasa kajian dan fatwa berperanan mengeluarkan pandangan kepada institusi perbankan Islam

berdasarkan ketetapan syariah dan mengeluarkan resolusi syariah mengenainya.<sup>16</sup> Jawatankuasa pelaksanaan dan pengawasan pula bertanggungjawab untuk memastikan resolusi syariah yang dikeluarkan adalah dilaksanakan sepenuhnya, dan mengawasi perjalanan operasi institusi perbankan Islam termasuk memantau sebarang perkembangan dan reaksi yang timbul untuk dibincangkan oleh jawatankuasa kajian dan fatwa secara berkala.<sup>17</sup>

Amalan di Malaysia, jawatankuasa kajian dan fatwa menyamai peranan Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan melalui Bank Negara Malaysia manakala jawatankuasa syariah yang diwujudkan di institusi-institusi yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam (termasuk bank-bank konvensional) menyerupai fungsi jawatankuasa pelaksana dan pengawasan.

#### MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

Di peringkat kebangsaan, Majlis Penasihat Syariah telah ditubuhkan sebagai badan syariah yang berautoriti bagi mengawalselia aspek-aspek syariah dalam industri perbankan Islam di Malaysia. Majlis Penasihat Syariah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia dan diletakkan di bawah struktur pentadbiran Bank Negara Malaysia. Lazimnya, sebagaimana yang diamalkan oleh kebanyakan negara, ia berperanan sebagai autoriti fatwa tertinggi dalam bidang perbankan Islam dan menyasarkan usaha pengharmonian dan penyeragaman amalan syariah.<sup>18</sup> Bank Negara Malaysia diwajibkan untuk membuat rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah mengenai semua perkara yang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam yang menghendaki

penentuan hukum syarak. Pihak institusi perbankan Islam pula dikehendaki merujuk Majlis Penasihat Syariah untuk mendapatkan suatu keputusan serta nasihat mengenai operasi perbankan bagi memastikan bahawa ia tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak selaras dengan syariah.<sup>19</sup> Keputusan yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah adalah tetap dan mengikat mahkamah dan penimbang tara.<sup>20</sup>

#### RESOLUSI SYARIAH

Terminologi resolusi syariah merujuk satu pendapat yang diputuskan (melalui proses ijtihad) oleh para sarjana syariah yang telah diberi mandat tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan isu-isu syariah dalam aspek perbankan Islam.<sup>21</sup> Mandat ahli Majlis Penasihat Syariah diperoleh melalui lantikan rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri Kewangan setelah berunding dengan Bank Negara.<sup>22</sup> Oleh itu, dalam bidang kuasa dan autoriti Majlis Penasihat Syariah, ia bukan sahaja berkuasa bagi mengeluarkan sesuatu resolusi berkaitan isu syariah dalam industri perbankan Islam, bahkan, resolusi tersebut mengikat ke atas pihak-pihak yang terlibat.

Oleh hal yang demikian, setelah resolusi tersebut diisytiharkan kepada umum, secara langsung, ia dianggap dan diterima sebagai satu keputusan yang mempunyai kesan penuh di sisi undang-undang. Resolusi ini secara praktikalnya kini, berasaskan perbincangan yang serius serta tegas dan ijtihad secara kolektif,<sup>23</sup> dan bukannya ijtihad perseorangan. Proses pengeluaran resolusi perlu melalui prosedur yang tertentu termasuk mendapatkan perincian yang mendalam tentang sesuatu perkara

seperti produk dan kontrak perbankan Islam. Resolusi syariah yang telah dikeluarkan melalui proses tersebut, diterima sebagai satu standard ataupun piawaian “hukum syarak” untuk digunakan.<sup>24</sup>

Di Malaysia, resolusi syariah berperanan memberi penjelasan hukum syarak bagi isu dan permasalahan yang baharu, serta menyediakan suatu metod penyeragaman (piawaian) dan pengharmonian hukum syarak dalam bidang perbankan Islam. Sebagaimana yang diketahui umum, dalam konteks amalan fiqh, mazhab umat Islam terbahagi kepada dua kumpulan yang besar iaitu, mazhab sunni dan syiah.<sup>25</sup> Mazhab sunni pula terbahagi kepada empat mazhab yang utama iaitu Hanafi, Maliki, Shafie, dan Hanbali.<sup>26</sup> Setiap mazhab mempunyai metodologi dan kaedah tersendiri dalam mengeluarkan (*istinbat*) sesuatu hukum. Oleh hal yang demikian, dalam kebanyakan permasalahan, para fuqaha’ daripada pelbagai kumpulan mazhab ini tidak sependapat berkenaan tentang sesuatu perihal masalah.<sup>27</sup> Bahkan, perbezaan pendapat juga bukan sesuatu yang asing dan ia sering berlaku walaupun antara fuqaha’ dalam satu mazhab yang sama. Bagi mengelakkan konflik perbezaan pendapat dan hukum syarak yang boleh menyebabkan jurang yang akan membantutkan perkembangan industri perbankan Islam, maka, resolusi syariah berperanan memberikan suatu standard atau piawaian yang akan digunakan oleh semua pihak yang terlibat dalam industri setelah mengambil kira semua pendapat fekah. Resolusi syariah ini berfungsi selari dengan kaedah fikah, “sekiranya pemerintah (autoriti) telah memutuskan (sesuatu perkara), maka terangkat khilaf.” Di Malaysia, satu-satunya badan yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan resolusi syariah

tentang apa jua hal yang berkaitan dengan industri perbankan Islam ialah Majlis Penasihat Syariah. Setiap resolusi syariah yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah terpakai di seluruh Malaysia.

#### IJTIHAD SEBAGAI ASAS PEMBENTUKAN RESOLUSI SYARIAH

Urusan muamalat adalah sebahagian daripada tuntutan agama Islam dalam mengatur kehidupan umat. Asas-asas syariah yang berteraskan al Quran dan al Sunnah menjadi sandaran utama dalam mentafsirkan kehendak dan keperluan manusia yang sering berubah-ubah dari semasa ke semasa. Dalam konteks meraikan kehendak dan amalan semasa berhubung dengan muamalat, syariah sama sekali tidak menyempitkan keadaan dengan hanya menjadikan tafsiran secara zahir atau literal terhadap al Quran dan al Sunnah sebagai sandaran hukum. Ijtihad para fuqaha’ diperlukan untuk memperincikan hukum sesuatu perkara yang digambarkan secara umum oleh kedua-dua sumber utama tersebut.<sup>28</sup>

Dari segi bahasa, perkataan ijtihad berasal daripada perkataan *jahada* atau *al juhud* yang bermaksud usaha<sup>29</sup> dan menggunakan segala kemampuan<sup>30</sup> serta bekerja keras dengan penuh kesungguhan<sup>31</sup> bagi mencapai sesuatu.<sup>32</sup> Oleh itu, terminologi ijtihad merujuk usaha seseorang mujtahid yang *faqih* dengan mengerah segala kemampuan yang ada untuk memperoleh hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf melalui cara yang ditetapkan oleh syarak.<sup>33</sup> Para fuqaha’ yang terlibat dalam proses ijtihad digelar sebagai *mujtahid*.

Ijtihad merupakan elemen utama dalam fekah. Daripada proses ijtihad, para fuqaha’ menetapkan

hukum syarak atas sesuatu perkara yang bersifat *dzanni* (samar)<sup>34</sup> sama ada wajib, sunat, harus, makruh atau haram. Bagi kategori ini, para fuqaha' telah diperuntukkan kebolehan melalui akal fikiran dan ilmu pengetahuan bagi mentafsir dan mengembangkan syariat ini melalui proses berijtihad.<sup>35</sup> Hal ini kerana dimaklumi bahawa nas-nas syariah sama ada daripada Al Quran ataupun Al Sunnah telah sempurna dan tidak lagi akan berlakunya sebarang penambahan pada kedua-duanya setelah kewafatan baginda Nabi SAW. Walau bagaimanapun, kehidupan manusia itu sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa, tempat dan *'uruf* (budaya setempat). Nas daripada kedua-dua sumber perundangan Islam itu juga bukanlah diturunkan bagi setiap permasalahan atau peristiwa yang berlaku kepada umat ini.<sup>36</sup> Hal ini bermakna ijtihad diperlukan bagi mencari hukum syarak dalam permasalahan dan kemusykilan yang dihadapi oleh masyarakat yang sentiasa berubah dan tidak berpenghujung. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada para mujtahid bagi berijtihad dan mengistinbatkan suatu hukum syarak sebagai jawapan kepada masalah baharu yang dihadapi oleh umat ini. Dengan demikian, syariat Islam ini akan terus kekal relevan serta boleh diaplikasikan tidak kira masa, suasana dan ketika.<sup>37</sup>

Namun begitu, proses ijtihad ini mengundang kepelbagaian pendapat dan pandangan. Sebagai contoh, ulama berselisih faham tentang kedudukan tangan ketika sedang *qiyam* dalam solat.<sup>38</sup> Namun, perbezaan hasil dan pandangan tidak bermakna ada yang benar dan salah. Hal ini kerana Nabi SAW telah bersabda sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

Apabila seseorang hakim menjatuhkan hukuman lalu ia berijtihad dan didapati apa yang ia ijtihadkan itu benar, maka ia mendapatkan dua pahala, sekiranya pula ia menjatuhkan hukuman dan berijtihad serta salah maka ia mendapat satu pahala sahaja.<sup>39</sup>

Hadis di atas menunjukkan dua perkara. Pertama, ia merupakan galakan daripada Nabi SAW kepada para mujtahid untuk berijtihad tanpa rasa khuatir tentang keputusannya selagimereka melaksanakan ijtihad dengan niat yang baik (*bona fide*) serta dilandasi dengan kaedah ijtihad yang benar dan bersumberkan kepada dalil-dalil syarie. Kedua, hadis ini merupakan pengiktirafan Nabi SAW terhadap dapatan yang terhasil daripada ijtihad yang dilakukan walaupun sesuatu hukum dijatuhkan secara salah. Hal ini memberi gambaran yang sangat jelas bahawa Islam amat meraikan perbezaan pendapat selagi ijtihad itu dilakukan dengan sebaiknya.

Dalam usaha untuk mengeluarkan hukum syarak tersebut, kajian secara ilmiah yang serius dan berwibawa akan dilakukan terlebih dahulu.<sup>40</sup> Ijtihad perlu dilakukan melalui suatu kaedah atau metodologi khusus dalam ilmu usul fiqh yang disebut sebagai *istinbat* hukum.<sup>41</sup> Ijtihad kotemporari merupakan suatu istilah moden yang diertikan sebagai penyelidikan hukum Islam yang berasaskan realiti semasa. Ruang lingkup *ijtihad* para ulama sudah pastinya berasaskan sumber utama dengan melihat realiti kehidupan yang lebih praktikal sejajar dengan kehendak syariah.

Bagi menangani isu-isu semasa muamalat dalam berijtihad, ulama fiqh mengambil kira secara serius hal perkara dalam tradisi *istinbat al ahkam* (kaedah perumusan hukum) seperti soal halal dan haram, *riba*, *gharar*, *maslahah*,

dan *maqasid syar'iyah*. Namun begitu, dalam menjalankan tanggungjawab ini, ulama sentiasa mengambil pendekatan seimbang antara aspek teori dengan amalan dan antara pematuhan prinsip syariah dengan *urf al-iqtisadiyyah* yang bermaksud amalan kebiasaan aktiviti ekonomi. Dalam konteks ini, terdapat kaedah fiqh,

Tidak boleh dinafi atau diengkar perubahan sesuatu hukum disebabkan oleh berubahnya keadaan dan masa.<sup>42</sup>

Syeikh Mustafa al-Zarqa' dalam menjelaskan kaedah ini menegaskan bahawa ia mesej jelas betapa hukum akan berubah dengan perubahan budaya dan cara hidup manusia. Hukum syarak yang bermatlamatkan menjunjung *maqasid syariah*, sentiasa bersifat fleksibel dan bukannya sesuatu yang bersifat kaku. Dalam bidang ekonomi dan kewangan pula, kaedah perniagaan juga akan terus berubah bersama-sama dengan kemajuan zaman dan tamadun manusia itu sendiri. Kaedah fekah menyatakan “perkara yang menjadi amalan dalam kalangan peniaga merupakan pengikat antara mereka.”<sup>43</sup>

Dapatan yang terhasil daripada ijtihad para fuqaha', disebut sebagai fatwa.<sup>44</sup> Dalam aspek teknikal yang khusus bagi industri perbankan Islam, fatwa dirujuk sebagai penemuan bagi hukum syarak oleh pakar syariah yang berwibawa mengenai perkara-perkara yang baharu dan tidak jelas hukumnya dalam Islam. Fatwa tersebut merupakan pendapat perundangan syariah yang diekstrak dan dibahas bersandarkan sumber-sumber perundangan syariah melalui proses ijtihad.<sup>45</sup>

## PERBANDINGAN ANTARA RESOLUSI SYARIAH DENGAN FATWA

Fatwa merupakan hasil ijtihad para ahli mujtahid yang dizahirkan sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Oleh hal yang demikian, fatwa berhubung rapat dengan ijtihad kerana proses ijtihad itu merupakan suatu usaha para mujtahid yang menyeluruh untuk mengeluarkan hukum tertentu, sedangkan fatwa pula merupakan output, iaitu hasil ijtihad tersebut.

Menurut Ensiklopedia Hukum Islam, secara literal, fatwa didefinisikan sebagai “petua, nasihat, jawapan atas pertanyaan yang berkaitan dengan sesuatu hukum tentang sesuatu perkara.” Dalam ilmu usul fiqh, menurut al Jurjani, fatwa merujuk “pendapat yang dikemukakan oleh seorang mujtahid atau fuqaha' sebagai jawapan kepada persoalan yang diajukan oleh peminta fatwa (disebut juga sebagai *mustafti*) dalam suatu perkara yang sifatnya tidak mengikat.”<sup>46</sup> Fatwa dalam pengertian ini juga diertikan sebagai penjelasan (*al ibanah*). Imam al Syatibi berpendirian yang sama iaitu mendefinisikan fatwa sebagai keterangan-keterangan berkenaan hukum syarak yang tidak mengikat untuk diikuti.<sup>47</sup> Al Qaradhwani menjelaskan bahawa pihak yang meminta fatwa boleh jadi sama ada individu perseorangan, kumpulan organisasi, mahupun kelompok daripada masyarakat.<sup>48</sup> Fatwa yang diberikan oleh pemberi fatwa (mufti) tidak semestinya diikuti oleh orang yang meminta fatwa dek kerana sifat asas bagi fatwa tersebut tidak mempunyai daya ikat. Berdasarkan takrifan yang dikemukakan, difahami bahawa fatwa secara teori dalam ilmu fiqh ataupun usul fiqh hanya bersifat pilihan. Ia tidak memberikan impak obligasi perundangan secara mandatori

bagi *mustafti*. Fatwa tersebut hanya mengikat secara moral bagi *mustafti* dan masyarakat secara am. Oleh hal yang demikian, secara umumnya, fatwa merujuk suatu penerangan pendapat mengenai hukum syarak yang dikeluarkan oleh orang yang berkeelayakan dan berautoriti seperti mufti berkenaan sesuatu isu atau permasalahan yang diajukan kepadanya, dan tidak mempunyai nas atau perbincangan dalam kitab-kitab fiqh secara tidak mengikat. Secara dasarnya, fatwa yang dikemukakan ini tidak mempunyai kuasa dari sudut perundangan, iaitu dalam erti kata lain, bantahan atau keingkaran kepada hukumnya tidak mempunyai apa-apa kesan.<sup>49</sup>

Di Malaysia, fatwa bukan semata-mata penerangan mengenai hukum syarak yang tidak mempunyai nas bahkan fatwa merupakan penerangan hukum syarak yang mempunyai sifat perundangan yang boleh dikuatkuasakan dan diambil tindakan bagi mana-mana penduduk Islam yang melanggarnya. Namun, perlu diberikan perhatian bahawa fatwa yang mempunyai implikasi perundangan yang mengikat sebagaimana yang telah disebutkan, hanyalah fatwa yang diberikan oleh mufti serta diwartakan. Sungguhpun terdapat percubaan untuk menjadikan fatwa yang diwartakan itu mengikat mahkamah, secara amalnya di negara ini, hakikatnya, mahkamah terutamanya mahkamah sivil tidak terikat dengan fatwa yang diwartakan itu. Hal ini kerana kuasa untuk membuat tafsiran terhadap undang-undang itu masih terletak di tangan mahkamah.<sup>50</sup>

Mahkamah syariah pula tidak terikat dengan fatwa dengan hujah bahawa ia berhak untuk berijtihad dalam kes-kes yang dihadapi kepadanya. Oleh itu, peruntukan

undang-undang yang cuba untuk mengikat mahkamah dengan fatwa-fatwa yang diwartakan perlu diuji di mahkamah untuk diketahui kesan-kesannya. Namun, menjadi jangkaan bahawa peruntukan undang-undang tersebut mungkin *ultra-vires* dengan kuasa-kuasa mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Hal ini kerana Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan mempunyai keutamaan berbanding dengan undang-undang selainnya. Dalam kes *The City Council of George Town v The Government of the State of Penang & Anor*, mahkamah telah mengaplikasikan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan dan memutuskan bahawa Enakmen Perbandaran (Pindaan) 1966 yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tidak sah dan terbatal kerana bercanggah dengan Akta Kerajaan Tempatan 1960.<sup>51</sup> Oleh itu, sekiranya undang-undang yang digubal di Dewan Undangan Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu mengatasi undang-undang negeri dan menjadikan undang-undang negeri itu tidak sah setakat yang tidak selaras itu.<sup>52</sup> Apatah lagi undang-undang pentadbiran agama Islam negeri dan fatwa yang diwartakan khususnya bertaraf undang-undang negeri. Selain itu, perbezaan fatwa berkemungkinan berlaku di negeri-negeri di Malaysia kerana setelah perbincangan dan perbahasan oleh ahli-ahli majlis fatwa dan mufti, setiap negeri mungkin mengeluarkan fatwa tersendiri berkenaan sesuatu perkara.

Sebagai contoh, berkenaan isu hukum pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB). Keputusan



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 5/1433H (bersidang pada 30 Ogos 2012)<sup>53</sup> dan keputusan Mesyuarat Negeri Sarawak (bersidang pada 22 Januari 2002)<sup>54</sup> termasuk Majlis Fatwa Negeri Johor<sup>55</sup> dan Wilayah Persekutuan<sup>56</sup> sependapat dengan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-80 (bersidang pada 1 hingga 3 Februari 2008) yang memutuskan bahawa hukum melabur dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. Keputusan mesyuarat jawatankuasa fatwa negeri Selangor kali ke-3 tahun 2017 pada 27 April 2017 telah memutuskan untuk mengubah fatwa lama yang menyatakan bahawa hukum pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) adalah haram kepada patuh syariah.<sup>57</sup> Negeri Kelantan, Melaka, Pahang, Terengganu, Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sabah pula tidak mengeluarkan sebarang fatwa berhubung isu ini. Kesemua fatwa negeri yang telah dinyatakan juga tidak pernah diwartakan (sehingga kajian ini ditulis). Fatwa-fatwa yang berbeza ini tentunya menimbulkan ketidakseragaman dan mencetuskan permasalahan terutamanya dalam kalangan umat Islam.

Oleh hal yang demikian, diperjelas bahawa fatwa merupakan keputusan atau pandangan hukum yang berbentuk umum berbanding resolusi syariah. Fatwa boleh dikeluarkan oleh sesiapa sahaja (fuqaha' yang berkelayakan) sama ada perseorangan ataupun kumpulan (individu) dan pihak yang mengajukan fatwa tersebut mempunyai pilihan sama ada untuk mematuhi fatwa tersebut ataupun tidak. Bagi menjadikan fatwa tersebut wajib

untuk dipatuhi, ia perlu diwartakan terlebih dahulu.<sup>58</sup> Oleh hal yang demikian, dari segi teknikal, resolusi syariah berbeza dengan fatwa khususnya dalam tiga aspek: keputusan kolektif, berautoriti dan mengikat. Resolusi syariah bukan semata-mata pandangan yang dikemukakan oleh sarjana yang berwibawa, bahkan para sarjana tersebut wajib mempunyai autoriti yang merupakan suatu mandat (kuasa) seperti lantikan secara rasmi sebagai ahli dalam majlis penasihat. Ia juga merupakan keputusan daripada perbincangan secara berkumpulan (ijtihad kolektif) dan bukannya secara individu. Selain daripada itu, resolusi syariah yang dikeluarkan adalah secara langsung mengikat dan wajib dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat tanpa perlu diwartakan terlebih dahulu.

Secara kesimpulan, dalam amalan industri perbankan Islam, setiap keputusan yang diputuskan melalui ijtihad secara kolektif oleh badan yang berkelayakan dan berautoriti (dalam konteks ini, Majlis Penasihat Syariah) lebih sesuai untuk dirujuk sebagai resolusi syariah dan bukannya fatwa. Hal ini kerana resolusi syariah bukan fatwa dalam konteks undang-undang pentadbiran Islam di Malaysia.<sup>59</sup> Titik beza antara kedua-duanya (resolusi syariah dan fatwa) adalah mengenai implikasi perundangan, secara khusus, fatwa tidak mengikat mahkamah sivil walaupun telah diwartakan tetapi resolusi syariah mengikat pihak-pihak yang terlibat termasuk mahkamah. Namun begitu, dalam satu aspek yang lain, fatwa dan resolusi syariah memiliki ciri-ciri persamaan, iaitu kedua-duanya merupakan pendapat mengenai hukum-hukum dalam syariah yang dikemukakan oleh seorang yang mencapai taraf mujtahid atau fuqaha' sebagai jawapan kepada persoalan yang diajukan oleh peminta fatwa

(disebut juga sebagai *mustafti*) dalam suatu perkara.<sup>60</sup>

syariah dengan mahkamah yang mengeluarkan keputusan.

#### RESOLUSI SYARIAH DAN KEPUTUSAN KEHAKIMAN

Dalam penulisan ini, perbezaan antara resolusi syariah dengan keputusan mahkamah diperjelas. Penjelasan ini penting bagi memastikan garis pemisah antara peranan dan kedudukan pihak yang mengemukakan resolusi

JADUAL 1. Perbezaan antara resolusi syariah dengan keputusan kehakiman

Bil	Perkara	Resolusi syariah	Keputusan kehakiman
1.	Pihak yang mengeluarkan keputusan	Dikeluarkan oleh para sarjana yang dilantik dan berautoriti.	Diputuskan oleh hakim di mahkamah.
2.	Subjek	Subjek hanya berkaitan isu syariah (hukum) bagi perkara-perkara baharu dalam bidang muamalat.	Subjek keputusan ialah semua perkara dalam bidang kuasa mahkamah.
3.	Status keputusan	Peruntukan statut menjadikannya mengikat kepada semua pihak yang terlibat dalam industri perbankan termasuk institusi-institusi perbankan Islam dan juga mahkamah-mahkamah.	Mengikat pihak yang terlibat secara alami. Pematuhan kepada penghakiman adalah mandatori ke atas pihak-pihak yang terlibat sahaja dalam kes tersebut.
4.	Kaedah pengeluaran keputusan	Keputusan dikeluarkan setelah kajian dan penelitian mendalam terhadap subjek (perkara baharu) dan isu-isu syariah yang terlibat.	Penyelesaian diputuskan melalui penilaian fakta kes dan persoalan perundangan.
5.	Sumber pembuktian	Berlandaskan dalil-dalil syariah untuk diaplikasikan dalam persoalan syariah berkenaan subjek yang dikemukakan.	Berasaskan keterangan dan pembuktian yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertelingkah.

*Sumber:* Pengkaji

Keputusan kehakiman merupakan penghakiman yang diputuskan oleh hakim di mahkamah bagi mengakhiri dan menyelesaikan suatu pertikaian

kes<sup>61</sup> manakala, resolusi syariah merupakan satu keputusan yang diputuskan oleh para sarjana syariah yang berkelayakan yang dilantik serta berautoriti. Subjek bagi penghakiman

mahkamah ialah semua perkara yang berada dalam bidangkuasanya, manakala resolusi syariah hanya menyentuh isu-isu syariah bagi perkara-perkara dalam perbankan Islam. Di samping itu, setiap keputusan penghakiman yang telah diputuskan oleh mahkamah, mengikat pihak yang terlibat secara alami. Pematuhan kepada penghakiman adalah mandatori ke atas semua pihak yang terlibat dalam kes tersebut. Bahkan, prinsip bagi keputusan yang dikeluarkan dalam kes tersebut, mengikat mahkamah yang berada di bawah dalam hirarki. Berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, resolusi syariah pula mengikat dan terpakai kepada semua pihak yang terlibat di dalam industri seperti institusi-institusi perbankan Islam termasuk mahkamah. Dengan erti kata lain, dalam setiap prosiding percabangan, mahkamah berkuasa menentukan apakah isu syariah yang timbul dalam sesuatu kes.<sup>62</sup> Bagi menjawab isu syariah tersebut, statut telah mewajibkan mahkamah untuk merujuk resolusi syariah yang sedia ada atau sekiranya tiada, mengajukan rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah untuk mengeluarkan resolusi syariah yang baharu bagi setiap isu syariah yang timbul.<sup>63</sup>

Keputusan penyelesaian yang diputuskan oleh mahkamah dikeluarkan setelah melalui penilaian fakta kes dan persoalan perundangan berasaskan keterangan dan pembuktian yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak yang bertelingkah dalam sesuatu kes tersebut, manakala resolusi syariah hanya dikeluarkan setelah kajian dan penelitian mendalam terhadap subjek dan isu-isu syariah yang terlibat.

Namun begitu, hakikatnya, resolusi syariah dan mahkamah adalah saling berhubungan, iaitu apabila sesuatu kes perbankan Islam

memerlukan penentuan sesuatu hukum yang berkaitan isu syariah maka, mahkamah wajib mengajukan persoalan tersebut kepada pihak yang berautoriti di sisi perundangan (*legal authority*) dan berwibawa untuk diputuskan, iaitu Majlis Penasihat Syariah. Resolusi syariah yang dikemukakan sebagaimana diminta, akan diaplikasikan dalam kes semasa oleh hakim dalam penghakimannya.<sup>64</sup>

### JAWATANKUASA SYARIAH DI INSTITUSI PERBANKAN ISLAM

Penubuhan jawatankuasa syariah di setiap institusi perbankan Islam adalah mandatori di bawah peruntukan seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 bagi maksud menasihati institusi perbankan Islam tersebut dalam memastikan bahawa perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiya mematuhi syariah. Jawatankuasa syariah juga berperanan sebagai badan syariah dalaman untuk menasihati bank dalam memastikan aspek pematuhan syariah, namun ia tidak diberikan kuasa sebagai pemutus fatwa.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 tidak menetapkan bilangan keahlian jawatankuasa ini, namun *Guidelines on the Governance of Shariah Committee for the Islamic Financial Institutions 2004*<sup>65</sup> memperuntukkan jumlah komposisi keanggotaan Jawatankuasa syariah adalah sekurang-kurangnya tiga orang. Bank Negara Malaysia telah mewujudkan *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (IFIs) (SGF) 2010* yang telah dikuatkuasakan bermula Januari 2011. Melalui garis panduan ini, terdapat penambahan kepada bilangan ahli penasihat syariah yang menganggotai jawatankuasa syariah

dan perkembangan ini menjadi asas bagi menambah lagi bilangan pakar syariah yang berwibawa di negara ini. Kepelbagaian komposisi jawatankuasa syariah juga telah diperkukuh melalui keterlibatan mantan hakim-hakim mahkamah dan pengamal undang-undang sebagai ahli jawatankuasa syariah.<sup>66</sup> Dengan itu, kualiti dalam perbincangan mengenai syariah mampu dipertingkatkan untuk memberi nilai tambah yang menyumbang ke arah pembangunan industri perbankan Islam.

#### PENGAWASAN SYARIAH DALAMAN

Resolusi syariah yang dikeluarkan wajib dikuatkuasakan oleh satu jawatankuasa pengawasan dalam sesebuah institusi perbankan Islam bagi memastikan pematuhan terhadap resolusi tersebut. Pengawasan ini dilakukan terhadap setiap tahap operasi dan urusan perbankan Islam. Ia juga perlu dilaksanakan secara konsisten dan bukan berkala. Persoalan yang sering kali timbul adalah berkenaan isu kebebasan, iaitu siapakah pihak yang sewajarnya memikul tanggungjawab sebagai pemantau ini? Adakah ia seharusnya menjadi sebahagian daripada pihak institusi perbankan Islam itu sendiri ataupun pihak luar. Secara praktikal, tugas ini diserahkan kepada jawatankuasa syariah dalaman atau pegawai syariah yang dilantik sendiri oleh pihak institusi perbankan Islam. Namun, lantikan ini juga perlu mendapat mandat dari Bank Negara. Hal ini kerana pengawasan akan lebih berkesan sekiranya urusan perbankan Islam itu dipantau sendiri oleh jawatankuasa dalaman. Bahkan, kadar keberkesanan (*efficiency rate*) pengawasannya mampu

dipertingkatkan dengan mengurangkan kerenah birokrasi yang pelbagai.<sup>67</sup>

Dalam amalan tadbir urus syariah di Malaysia, setiap institusi perbankan Islam diwajibkan untuk menubuhkan jawatankuasa syariah masing-masing.<sup>68</sup> Hal ini untuk memastikan bahawa setiap aktiviti perbankan Islam tersebut sentiasa mematuhi syariah. Struktur jawatankuasa syariah serta peranannya dikawal selia oleh Akta Bank Negara 2009, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (IFIs) (SGF) 2010* Bank Negara.

#### AUDIT SYARIAH DALAMAN

Audit Syariah dalaman merupakan proses yang akan menentukan kesempurnaan pelaksanaan prinsip tadbir urus syariah dalam aktiviti-aktiviti perbankan Islam (secara praktikal). Penilaian ataupun audit dalaman oleh unit audit syariah adalah penting untuk memastikan bahawa aspek pematuhan syariah telah dicapai sepenuhnya. Segala aktiviti yang tidak patuh syariah akan direkodkan dalam laporan kepada institusi perbankan syor yang difikirkan perlu dan wajar untuk tujuan penambahbaikan dan pembetulan bagi menjamin pematuhan syariah yang menyeluruh oleh institusi.<sup>69</sup>

Selain laporan audit kepada pihak bank, unit audit syariah juga bertanggungjawab menyediakan laporan pematuhan syariah tahunan untuk mengesahkan bahawa audit syariah dalaman tersebut telah dilakukan. Laporan berserta dapatannya perlu didokumentasikan dan diserahkan kepada pihak badan penasihat syariah.

Badan penasihat syariah wajib mengemukakan satu laporan setelah laporan daripada unit audit syariah diterima dan diteliti. Laporan tersebut merupakan keputusan bagi menentukan sama ada aktiviti-aktiviti perbankan Islam yang dioperasikan oleh institusi perbankan Islam yang berkenaan (di mana audit syariah dalaman dijalankan ke atasnya) selama satu tahun kewangan telah mematuhi garis panduan syariah sebagaimana yang telah ditentukan ataupun tidak.<sup>70</sup>

## KESIMPULAN

Ciri utama sistem kewangan Islam terletak pada nilai etika yang tinggi yang menyokong tadbir urus dan operasi perniagaan perbankan Islam.<sup>71</sup> Industri ini sedang pesat berkembang dalam atmosfera persekitaran yang kian kompleks dan mencabar. Dalam sistem perbankan Islam, kekukuhan nilai-nilai dan struktur tadbir urus korporat, ketelusan, penzahiran maklumat dan pematuhan yang tegas terhadap prinsip-prinsip syariah amat dititikberatkan.<sup>72</sup> Oleh itu, satu tadbir urus syariah yang kukuh serta mampan diperlukan bagi merealisasikan sistem perbankan Islam yang mantap dan berdaya saing.

Tadbir urus syariah juga bertindak sebagai suatu teras dan sempadan yang membezakan antara perbankan Islam dengan konvensional. Hal ini kerana secara dasarnya, melalui tadbir urus syariah ini, institusi-institusi perbankan Islam dapat memastikan seluruh operasi dan aktiviti yang dilakukan dalam industri perbankan Islam mematuhi prinsip-prinsip syariah. Bahkan, perundangan Malaysia telah menyebutkan bahawa:

“Suatu institusi hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa matlamat dan

pengendaliannya, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiinya adalah mematuhi Syariah”.<sup>73</sup>

Peruntukan ini memberikan implikasi mandatori ke atas kesemua institusi perbankan Islam yang beroperasi di negara ini untuk mematuhi asas, prinsip mahupun norma syariah sebagaimana yang ditentukan.

Dalam menyasarkan suatu sistem perbankan Islam yang sentiasa terkehadapan dan menjadi contoh kepada negara-negara yang menawarkan perniagaan perbankan Islam, perkara penting dalam mencapai visi ini adalah dengan mewujudkan rangka kerja tadbir urus syariah yang komprehensif bagi institusi perbankan dan merangka strategi pelaksanaan Islam yang sesuai dan mampu memenuhi keperluan industri yang dinamik di samping meningkatkan keyakinan dan kestabilan dalam sistem kewangan Islam.

Tadbir urus syariah adalah meliputi semua aspek termasuk kerangka kerja, dasar dan manual operasi. Objektif tadbir urus ini adalah sebagai satu garis panduan yang sentiasa berperanan bagi memastikan dan mengawasi persekitaran operasi perniagaan adalah sentiasa selari dan menepati kehendak syariah.

Secara amnya, sebagai satu jaminan patuh syariah terhadap kesemua operasi yang dilaksanakan oleh institusi-institusi perbankan Islam, Bank Negara telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah yang dianggotai oleh para sarjana yang pakar dan berpengalaman luas dalam industri ini. Majlis Penasihat Syariah ini menjadi salah satu daripada komponen-komponen yang penting dan utama dalam sistem tadbir urus syariah dalam industri perbankan Islam. Bagi tadbir urus syariah yang berkesan, Majlis Penasihat Syariah memainkan dwiperanan; konsultasi dan

pengawasan. Keberkesanan peranan yang didokongi oleh badan penasihat syariah ini bergantung kepada dua faktor, iaitu, kedudukan perundangan (*legal position*) dan bidang kuasa undang-undang (*legal jurisdiction*).

Di Malaysia, Bank Negara telah menggariskan suatu rangka kerja tadbir urus syariah. Rangka kerja ini membolehkan usaha pengukuhan tadbir urus bagi institusi-institusi perbankan Islam khususnya yang beroperasi di bawah seliaan Bank Negara Malaysia. Dalam rangka kerja tersebut, tentunya aspek pematuhan syariah sentiasa menjadi keutamaan. Ahli lembaga pengarah dalam institusi perbankan Islam bertanggungjawab terhadap pengawasan syariah yang menyeluruh dan pelaksanaan struktur, dasar dan proses tadbir urus syariah yang berkesan. Kewujudan pihak jawatankuasa syariah pula bertanggungjawab melaksanakan keputusan syariah mencakupi keseluruhan operasi institusi kewangan Islam dan mempunyai kedudukan dan akses yang terus kepada lembaga pengarah.

Tadbir urus syariah adalah penting dalam menjayakan industri perbankan Islam kerana melaluinya, suatu pengaturan organisasi bagi sesebuah institusi kewangan Islam memastikan keberkesanan pengawasan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, pihak pengurusan dan jawatankuasa syariah untuk menjurus kepada persekitaran operasi perniagaan yang sentiasa patuh kepada prinsip syariah. Di samping itu, kejayaan tadbir urus ini didokong oleh empat nilai iaitu, ketelusan, keadilan, akauntabiliti dan kebebasan. Hal ini kerana prinsip syariah menjadi asas bagi amalan kewangan Islam menerusi pematuhan kepada rukun, syarat dan prinsip sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam.

Di Malaysia, Bank Negara telah merangka satu mekanisme untuk sistem perbankan Islam beroperasi secara konsisten berdasarkan prinsip muamalah syariah walaupun berada dalam kerangka perundangan sivil, menerusi susunan keinstitusian yang jelas bagi institusi perbankan Islam yang dikawal selia. Oleh hal yang demikian, struktur tadbir urus syariah dua peringkat telah diperkenalkan, terdiri daripada Majlis Penasihat Syariah yang utama di Bank Negara dan jawatankuasa pengawasan syariah yang ditubuhkan secara mandatori di setiap institusi perbankan Islam.

#### NOTA

- <sup>1</sup> Al-Ghazaliy, Abu Hamid Muhammad Muhammad. 1968. *Ihya' 'Ulum ad-Din*. Kaheerah: Muassasah al Halab wa Syurakah, hlm 398. Sila lihat juga Ibrahim Dasuqi. 1962. *Al Hisbah fi al Islam*. Kaheerah: Maktabat Dar al Urubat, hlm 9.
- <sup>2</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, al Matba'at al Zariyyat, Kaheerah, 1930, hlm 7.
- <sup>3</sup> Al Quran, Ali Imran 3:110.
- <sup>4</sup> Azrin Ibrahim, 'Kepentingan Hisbah dan Amalannya Di Malaysia', 2015, (11) *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Edisi Khas, hlm 27.
- <sup>5</sup> Al Quran, Ali Imran 3:110.
- <sup>6</sup> Auni Abdullah, *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, IKDAS Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2000, hlm 5.
- <sup>7</sup> Radwan, 'Abd al-Hasib, *Dirasat fi alHisbah min al Nahiyatayn al Tarikhiyat wa al Fiqhiyat*, Al Matba'at al Islamiyyat al Hadithat, Kaheerah, 1990, hlm 35.
- <sup>8</sup> Sunan al Tirmizi, No. 1315.
- <sup>9</sup> Khulafa al rasyidin merujuk empat orang sahabat yang dipilih dan dilantik menjadi khalifah, iaitu ketua bagi umat Islam (amirul mukminin) selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Mereka ialah Abu Bakar al Siddiq, Umar al Khattab, Uthman ibnu Affan dan Ali ibn Abi Talib.
- <sup>10</sup> Ahmad Faizol, 'Perbandingan antara Hisbah dan Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam,' 2011, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas*, hlm 44.

- <sup>11</sup> Mamat & Zulfaqar, 'Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan Ekonomi Negara Islam,' 2010, 3 *Jurnal Muamalat*, hlm 23.
- <sup>12</sup> Resolusi International Council of Fiqh Academy. 2009. Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) ke-19. Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, 26 – 30 April 2009. Sila lihat juga Hasan & Aznan 'Optimal Shariah Governance in Islamic finance,' 2007, 4 (14) *Islamic Finance News* hlm 7.
- <sup>13</sup> Banaga & Tomkins, C, *External Audit and Corporate Governance in Islamic Banks: a Joint Practitioner-Academic Research Study*, Alderhot, Avebury, 1994, hlm 10.
- <sup>14</sup> Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAIOFI). 2005. Governance Standard. <http://aaiofi.com/standard/accounting-standards/?lang=en> [20 Februari 2017]
- <sup>15</sup> Hamzah Abd al-Karīm, Muhammad Hammād, *Al Raqābah al Syariyyah fī al Masārif al Islāmiyyah*, Dār al Nafā'is, Jordan, 2006, hlm 30.
- <sup>16</sup> Al Qaradāwī, Yūsuf, 'Taf īl Āliyāt al Raqābah ala al Amal al Masraf fī al Islām', 2002, (239) *Majalah al-Iqtisād al-Islāmī*, hlm 8-11.
- <sup>17</sup> Ismail, Ahmad Faizol, Fungsi Majlis Penasihat Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia: Kajian Terhadap Bank Muamalat Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad, *Diss. University of Malaya*, 2010, hlm 15.
- <sup>18</sup> Zulkifli Hasan, *Syariah Governance in Islamic Banks*, Edinburgh University Press Ltd, Edinburgh, 2012, hlm 59-60.
- <sup>19</sup> Seksyen 55(1)(2) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).
- <sup>20</sup> Sila lihat seksyen 56 dan 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).
- <sup>21</sup> Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 - 2011), 2010, [http://www.bnm.gov.my/guidelines/05\\_syariah/cir\\_012\\_3.pdf](http://www.bnm.gov.my/guidelines/05_syariah/cir_012_3.pdf) (20 Ogos 2015).
- <sup>22</sup> Seksyen 53 Akta Bank Negara 2009 (Akta 701).
- <sup>23</sup> Ijtihad secara kolektif ini merupakan satu organisasi yang dianggotai oleh beberapa ahli fiqh (bukan perseorangan), tanpa mengambil kira perbezaan wilayah atau mazhab yang dianuti. Apa yang paling penting ialah organisasi tersebut mestilah bersikap berkecuali. Hal ini bagi memudahkan lagi usaha ijtihad dalam mencari hukum yang sesuai dan tepat.
- <sup>24</sup> Seksyen 57 Akta Bank Negara 2009 (Akta 701) dan seksyen 29 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).
- <sup>25</sup> Mulyono, Slamet, 'Pergolakan Teologi Syiah-Sunni: Membedah Potensi Integrasi dan Disintegrasi', 2012, (2) *Jurnal Ulum*, hlm 245-278.
- <sup>26</sup> Chalil, Moenawar, *Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab: Hanafy, Maliki, Syafiy, Hambaly*, Thinker's Library, Jakarta, 1988, hlm 20-22. Sila lihat juga Mughniyah, Muhammad Jawad, *Fiqh Lima Mazhab: Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hambali*, Lentera, Jakarta, 2011, hlm 15.
- <sup>27</sup> Mughniyah, Muhammad Jawad, *Fiqh Lima Mazhab: Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hambali*, Lentera, Jakarta, 2011, hlm 15.
- <sup>28</sup> Mohammad Muslehuddin, *Insurance and Islamic Law*, Adam Publishers & Distributors, New Delhi, 2006, hlm 71.
- <sup>29</sup> Ruhi Ba'labakiy, *Al Maurid: Qamus 'Arabiyy – Injilizi*, Dar al 'Ilm Lil Malayin, Lubnan, 1999, hlm 437.
- <sup>30</sup> Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zain, *Pengantar Usul Fiqh*, Pustaka Salam Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1997, hlm 256.
- <sup>31</sup> Husin Unang, *Kamus al Tullab*, Darul Fikir, Kuala Lumpur, 2008, hlm 396.
- <sup>32</sup> 'Abdul Karim Zaidan, *Al Wajiz fi Usul Fiqh*, Resalah Publishers, Lubnan, 2006, hlm 317. Sila lihat juga Lisan al'Arab, Jilid 2, 1989, hlm 133.
- <sup>33</sup> Muhammad Sayyid Tantawi, *Konsep Ijtihad Dalam Hukum Syarak*, Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2009, hlm 3. Sila lihat juga Al Zuhaili, Wahbah, *Usul al Fiqh al Islamiy*, Darul Fikr, Damsyik, 1986, hlm 1038.
- <sup>34</sup> Merujuk sesuatu perkara yang tidak jelas (samar) hukumnya kerana tidak diperjelas dengan terperinci dalam dalil primer Syariah, sama ada al Quran dan al Sunnah. Berlawanan dengan sifat dzanni adalah qat'ie. Hukum qat'ie merupakan hukum daripada nas Al Quran mahupun Al Sunnah, yang tetap, dan tidak akan berubah sama sekali. Ayat yang menerangkan hukum-hukum ini telah jelas dan tidak perlu lagi memerlukan kepada ijtihad para fuqaha', sebagaimana kaedah fekah menyatakan bahawa "Tiada ijtihad bersama nas (yang jelas)."

- <sup>35</sup> Abdul Rahman Doi, *Non Muslim Under Syariah (Islamic Law)*, Ta Ha Publishers Ltd, London, 1978, hlm 9.
- <sup>36</sup> Muhammad Abdul Kareem, *Al Mahal wa an Nahal li al Shahrastani*, Society of Publication of Oriental Text, London, 1842, hlm 199.
- <sup>37</sup> Hasan Subhi Ahmad, *Al Madkhal ilaal Fiqh al Islami*, Matba'at al Risalah, Kaherah, 1971, hlm 43.
- <sup>38</sup> Mughniyah, Muhammad Jawad, *Fiqh Lima Mazhab: Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hambali*, Lentera, Jakarta, 2011, hlm 95.
- <sup>39</sup> Sahih al Bukhari, No. 7352.
- <sup>40</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Evolusi Hukum Islam: Transformasi Fikah Semasa*, PTS Islamika, Kuala Lumpur, 2010, hlm 69.
- <sup>41</sup> Al Qaradawi, Al Ijtihad fi al Shariat al Islamiah, (2001) <http://www.qaradawi.net/library/51.html>. (8 April 2013). Sila lihat juga 'Abdul Kareem Zaidan, *Al-Wajiz fi usul al-fiqh*, Maktabah al Basyir, Amman, 1990, hlm 410.
- <sup>42</sup> Mustafa Ahmad Az Zarqa', *Sharah al Qawaeed al Fiqhiyyah*, Darul Qalam, Damsyik, 2007, hlm 229.
- <sup>43</sup> Mustafa Ahmad Az Zarqa', *Sharah al Qawaeed al Fiqhiyyah*, Darul Qalam, Damsyik, 2007, hlm 240.
- <sup>44</sup> Ab Majid, Mahmood Zuhdi, 'Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia', (2004) 12 (2) *Jurnal Syariah*, hlm 79-93.
- <sup>45</sup> Achen Lasasna, *Introduction to Fatwa, Syariah Supervision & Governance in Islamic Finance*, CERT Publication Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2010, hlm 5.
- <sup>46</sup> Zaini Nasohah, 'Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia', 2005 27 (1) *Jurnal Islamiyyat*, hlm 25-44. Sila lihat juga Ahmad Buang, 'Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia, 2002, 10 (1) *Jurnal Syariah*, hlm 39.
- <sup>47</sup> Rohadi Abdul Fatah, *Analisis Fatwa Keagamaan Dalam Fikih Islam*, Bumi Aksara, Jakarta, 2006, hlm 7.
- <sup>48</sup> Ma'ruf Amin, *Fatwa Dalam Sistem Hukum Islam*, Elsas, Jakarta, 2008, hlm. 19.
- <sup>49</sup> Ahmad Hidayat Buang, 'Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia', 2002 10 (1) *Jurnal Syariah*, hlm 40-41.
- <sup>50</sup> Kasan, H., 'Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iyah', 2001 (2) *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, hlm 37-64.
- <sup>51</sup> [1967] 1 MLJ 169.
- <sup>52</sup> Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.
- <sup>53</sup> Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Pelaburan dalam ASN, ASB dan seumpamanya, 2012. [www.muftins.gov.my/index.php/componen/content/article/147-slideshow/698-pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya](http://www.muftins.gov.my/index.php/componen/content/article/147-slideshow/698-pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya) (10 Januari 2017).
- <sup>54</sup> Jabatan Mufti Negeri Sarawak, Lain-Lain Kemusykilan, (2008) [www.muftinegeri.sarawak.gov.my/pages.php?mod=webpage&sub=page&id=84](http://www.muftinegeri.sarawak.gov.my/pages.php?mod=webpage&sub=page&id=84) (18 Disember 2016).
- <sup>55</sup> Jabatan Mufti Negeri Johor, Pertanyaan / Kemusykilan Tahun 2014, 2014, [www.mufti.johor.gov.my/images/uploads/dokumen/terbitan/pertanyaan\\_tahunan\\_2014.pdf](http://www.mufti.johor.gov.my/images/uploads/dokumen/terbitan/pertanyaan_tahunan_2014.pdf) (8 Disember 2016).
- <sup>56</sup> Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Hukum Dividen Tahunan ASB, 2015. [www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/477-hukum-dividen-tahunan-asb](http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/477-hukum-dividen-tahunan-asb) (18 Disember 2016).
- <sup>57</sup> Jabatan Mufti Negeri Selangor, Keputusan ASNB, 2017 [www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/222-keputusan-asnb-baru](http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/222-keputusan-asnb-baru) (13 Mei 2017).
- <sup>58</sup> Seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- <sup>59</sup> Rujuk penghakiman Hakim Zawawi dalam perenggan 107 kes *Mohd Alias bin Ibrahim lwn RHB Bank Bhd & Seorang yang lain* [2011] 3 MLJ 26.
- <sup>60</sup> Zaini Nasohah, 'Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia', 2005, 27 (1) *Jurnal Islamiyyat*, hlm 25-44. Sila lihat juga Ahmad Buang, 'Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia, 2002, 10 (1) *Jurnal Syariah*, hlm 39.
- <sup>61</sup> The Majelle, Artikel: 1786, hlm 317.
- <sup>62</sup> Isu syariah ditakrifkan oleh Majlis Penasihat Syariah dalam mesyuarat kali ke-117 pada 19 Oktober 2011, sebagai "persoalan tentang hukum syarak bagi sesuatu perkara berkaitan kewangan Islam, yang melibatkan perkara-perkara yang telah atau belum diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah. Persoalan-persoalan tersebut merangkumi dan tidak terhad kepada aspek-aspek perniagaan kewangan Islam seperti struktur perniagaan, produk



atau perkhidmatan, pelaksanaan atau operasi, terma dan syarat atau dokumentasi.”

- <sup>63</sup> Tun Abdul Hamid Mohamad, Mantan Ketua Hakim Negara dan ahli Majlis Penasihat Syariah (2013-2016), di Pejabat Peguam Negara, Putrajaya pada 1 November 2012. Lihat juga seksyen 56(1)(b) Akta Bank Negara 2009 (Akta 701) dan Bahagian B Manual Rujukan Mahkamah dan Penimbang Tara kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara.
- <sup>64</sup> Seksyen 56 dan 57 Akta Bank Negara 2009 (Akta 701).
- <sup>65</sup> Telah dimansuhkan apabila *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (IFIs) (SGF) 2010* dikuatkuasakan.
- <sup>66</sup> Bank Negara Malaysia, Dasar dan Perkembangan: Hala Tuju Dasar pada Tahun 2005, 2005, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/tkf/bm/2005/05.chap2.pdf> (12 Januari 2015).
- <sup>67</sup> Teguh Kurniawan, Reformasi Birokrasi dan Good Governance, *Prosiding The 5th International Symposium of Journal Antropolgi Indonesia*, 2008, hlm 9.
- <sup>68</sup> Seksyen 30 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Lihat juga Perkara 2.1 *Syariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (IFIs) (SGF) 2010*.
- <sup>69</sup> Bahagian 2, seksyen 5 perkara 7, *Syariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (IFIs) (SGF) 2010*.
- <sup>70</sup> Bahagian 2, seksyen 5 perkara 7, *Syariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (IFIs) (SGF) 2010*.
- <sup>71</sup> Ucapan Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia, Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Yang Kedua, Sheraton Doha, Qatar, 24 Mei 2005.
- <sup>72</sup> Bank Negara Malaysia, Rangka Kerja Pengawasan Kehematan dan Penyeliaan, 2009, [http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsp/bm/2009/cp03\\_rencana\\_03.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsp/bm/2009/cp03_rencana_03.pdf) (8 Mei 2012).
- <sup>73</sup> Seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Malaysia) (Akta 759).

## RUJUKAN

- Al Quran  
Sahih al Bukhari  
Sunan al Tirmizi  
Perlembagaan Persekutuan  
Akta Bank Negara 2009 (Akta 701)  
Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)  
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759)  
Manual Rujukan Mahkamah dan Penimbang Tara kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara.  
*Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (IFIs) (SGF) 2010*  
Ab Majid, Mahmood Zuhdi. 2004. 'Fatwa dan isu semasa: Masalah dan cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah* 12(2): 79-93.  
Abd al Hasib. 1990. *Dirasat fi alHisbah min al Nahiyatayn al Tarikhiyat wa al Fiqhiyat*. Kaherah: Al Matba'at al Islamiyyat al Hadithat.  
Abdul Karim Zaidan. 2006. *Al Wajiz fi Usul Fiqh*. Lubnan: Resalah Publishers.  
Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zain. 1997. *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.  
Abdul Rahman Doi. 1978. *Non Muslim Under Syariah (Islamic Law)*, London: Ta Ha Publishers Ltd.  
Abu Hamid Muhammad Al Ghazaliy. 1968. *Ihya' 'Ulum ad-Din*. Kaherah: Muassasah al Halab wa Syurakah.  
Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAIOFI). 2005. *Governance Standard*.

- <http://aaoifi.com/standard/accounting-standards/?lang=en> (20 Februari 2017)
- Achen Lasasna. 2010. *Introduction to Fatwa, Syariah Supervision & Governance in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn Bhd.
- Ahmad Buang. 2002. 'Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah* 10(1): 39.
- Ahmad Faizol Ismail. Fungsi Majlis Penasihat Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia: Kajian Terhadap Bank Muamalat Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad, Diss. University of Malaya.
- Ahmad Faizol. 2011. Perbandingan antara hisbah dan Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas*: 44.
- Ahmad Hidayat Buang. 2002. Analisis fatwa-fatwa semasa syariah di Malaysia *Jurnal Syariah*, 10 (1): 40-41.
- Auni Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Azrin Ibrahim. 2015. Kepentingan hisbah dan amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (11) Edisi Khas.
- Banaga & Tomkins, C. 1994. *External Audit and Corporate Governance in Islamic Banks: a Joint Practitioner-Academic Research Study*. Alderhot: Avebury.
- Bank Negara Malaysia. 2005. Dasar dan Perkembangan: Hala Tuju Dasar pada Tahun 2005 <http://www.bnm.gov.my/files/publication/tkf/bm/2005/05.chap2.pdf> (12 Januari 2015).
- Bank Negara Malaysia. 2009. Rangka Kerja Pengawasan Kehematan dan Penyeliaan, [http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2009/cp03\\_rencana\\_03.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2009/cp03_rencana_03.pdf) (8 Mei 2012).
- Bank Negara Malaysia. 2010. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 - 2011), [http://www.bnm.gov.my/guidelines/05\\_syariah/cir\\_012\\_3.pdf](http://www.bnm.gov.my/guidelines/05_syariah/cir_012_3.pdf) (20 Ogos 2015).
- Hamzah Abd al Karīm, Muhammad Hammād. 2006. *Al Raqābah al Syariyyah fī al Masārif al Islāmiyyah*, Dār al Nafā'is, Jordan.
- Hasan Subhi Ahmad. 1971. *Al Madkhal ila al Fiqh al Islami*. Kaherah: Matba'at al Risalah.
- Hasnan Kasan. 2001. Institusi fatwa dalam perundangan negara: Satu penilaian menurut siasah syar'iyah. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* (2): 37-64.
- Husin Unang. 2008. *Kamus al Tullab*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ibn Khaldun. 1930. *Muqaddimah*, Kaherah: al Matba'at al Zariyyat.
- Ibrahim Dasuqi. 1962. *Al Hisbah fi al Islam*. Maktabat Dar al Urubat, Kaherah.
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. 2012. Pelaburan dalam ASN, ASB dan seumpamanya, [www.muftins.gov.my/index.php/component/content/article/147-slideshow/698-pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya](http://www.muftins.gov.my/index.php/component/content/article/147-slideshow/698-pelaburan-dalam-asn-asb-dan-seumpamanya) (10 Januari 2017).

- Jabatan Mufti Negeri Johor. 2014. *Pertanyaan / Kemusykilan Tahun 2014*, [www.mufti.johor.gov.my/images/uploads/dokumen/terbitan/pertanyaan\\_tahunan\\_2014.pdf](http://www.mufti.johor.gov.my/images/uploads/dokumen/terbitan/pertanyaan_tahunan_2014.pdf) (8 Disember 2016).
- Jabatan Mufti Negeri Sarawak. 2008. *Lain-Lain Kemusykilan*, [www.muftinegeri.sarawak.gov.my/pages.php?mod=webpage&sub=page&id=84](http://www.muftinegeri.sarawak.gov.my/pages.php?mod=webpage&sub=page&id=84) (18 Disember 2016).
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2017. *Keputusan ASN*, [www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/222-keputusan-asnb-baru](http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/222-keputusan-asnb-baru) (13 Mei 2017).
- Ma'ruf Amin. 2008. *Fatwa Dalam Sistem Hukum Islam*. Jakarta: Elsas.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. *Evolusi Hukum Islam: Transformasi Fikah Semasa*, Kuala Lumpur: PTS Islamika.
- Mamat & Zulfaqar. 2010. *Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan Ekonomi Negara Islam*, *Jurnal Muamalat* 3, hlm 23.
- Moenawar Chalil. 1988. *Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab: Hanafy, Maliki, Syafiy, Hambaly*. Jakarta: Thinker's Library, hlm 20-22.
- Mohammad Muslehuddin. 2006. *Insurance and Islamic Law*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Mughniyah, Muhammad Jawad. 2011. *Fiqih Lima Mazhab: Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hambali*. Jakarta: Lentera.
- Muhammad Abdul Kareem. 1842. *Al Mahal wa an Nahal li al Shahrastani*, Society of London: Publication of Oriental Text.
- Muhammad Sayyid Tantawi. 2009. *Konsep Ijtihad Dalam Hukum Syarak*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Mulyono, Slamet. 2012. *Pergolakan Teologi Syiah-Sunni: Membedah Potensi Integrasi dan Disintegrasi*, *Jurnal Ulum* (2), hlm 245-278.
- Mustafa Ahmad Az Zarqa. 2007. *Sharah al Qawaeed al Fiqhiyyah*. Damsyik: Darul Qalam.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2015. *Hukum Dividen Tahunan ASB*, [www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/477-hukum-dividen-tahunan-asb](http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/477-hukum-dividen-tahunan-asb) (18 Disember 2016).
- Rohadi Abdul Fatah. 2006. *Analisis Fatwa Keagamaan Dalam Fikih Islam*. Jakarta: Bumi Aksara,
- Ruhi Ba'labakiy. 1999. *Al Maurid: Qamus 'Arabiy – Injilizi*. Lubnan: Dar al 'Ilm Lil Malayin.
- Teguh Kurniawan. 2008. *Reformasi Birokrasi dan Good Governance*, Prosiding The 5th International Symposium of Journal Antropolgi Indonesia.
- Wahbah al Zuhayli. 1986. *Usul al Fiqh al Islamiy*. Damsyik: Darul Fikr.
- Yusuf al Qaradawi. 2002. *Taf il Āliyāt al Raqābah ala al Amal al Masraf fi al Islām*. *Majalah al-Iqtisād al-Islāmī* (239).
- Yusuf al Qaradawi. 2001. *Al Ijtihad fi al Shariat al Islamiah*, <http://www.qaradawi.net/library/51.html>. (8 April 2013).

---

Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 27 (1): 25-44.

Zulkifli Hasan. 2012. *Syariah Governance in Islamic Banks*, Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
E-mel: mohdizzatamsyar@gmail.com

Ruzian Markom  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
E-mel: ruzian@ukm.edu.my